



# PARLIMEN MALAYSIA



## **RANG UNDANG-UNDANG**

**Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan)(Pindaan) 1980**

**DR.14/1984**

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1984. Tajuk ringkas.
2. Seksyen 2 Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980, yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan takrif “Ahli atau Anggota” dengan yang berikut:  
“Ahli atau Anggota” ertinya Anggota Pentadbiran, Ahli Parlimen, Yang Dipertua Dewan Negara dan Yang Dipertua Dewan Rakyat;”. Pindaan seksyen 2. Akta 237.
3. Seksyen 4 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “gaji bulanan sebanyak empat ribu ringgit” dalam perenggan (c) dan (d) dengan perkataan-perkataan “elaun bulanan sebanyak satu ribu ringgit”. Pindaan seksyen 4.
4. Jadual Kedua kepada Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan “, Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara dan Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat” dalam Ruang II. Pindaan Jadual Kedua.

Pemakaian.

5. Peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah dipakai hanya bagi Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara atau Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat yang dipilih atau dilantik sedemikian, mengikut mana yang berkenaan, selepas berkuatkuasanya Akta ini.

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980.

2. *Fasal 2* Rang Undang-Undang bertujuan meminda takrif "Ahli atau Anggota" supaya tidak termasuk Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara dan Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat kerana kemudahan-kemudahan yang diberi di bawah Akta ibu kepada seseorang Ahli atau Anggota tidak lagi diberi kepada mereka oleh kerana jawatan mereka sebagai Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara atau Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat.

3. *Fasal 3* Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda seksyen 4 Akta ibu dengan memperuntukkan bahawa Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara dan Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat hendaklah menerima, sebagai ganti bagi gaji empat ribu ringgit, elaun bulanan sebanyak satu ribu ringgit.

4. *Fasal 4* Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Jadual Kedua dengan memotong sebutan-sebutan mengenai Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara dan Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat kerana kemudahan-kemudahan dalam Jadual itu tidak lagi diberi kepada mereka dalam kedudukan mereka sedemikian. Ini adalah juga selaras dengan pindaan yang dibuat kepada takrif "Ahli atau Anggota".

5. *Fasal 5* Rang Undang-Undang ini bercadang memperuntukkan bahawa Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara atau Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat yang telah pun memegang jawatan sedemikian pada tarikh berkuatkuasanya Akta ini tidaklah tersentuh oleh pindaan-pindaan ini bagi baki tempoh jawatan yang dipegangnya sekarang.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1280.]